

## INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI DALAM PENDIDIKAN KAUNSELING : FALSAFAH DAN AMALAN

### INTEGRATION OF NAQLI AND AQLI KNOWLEDGE IN COUNSELLING EDUCATION: PHILOSOPHY AND PRACTICE

\* <sup>i</sup>Abdul Rashid Abdul Aziz, <sup>ii</sup> Amla Hj. Mohd Salleh, <sup>iii</sup> Nurun Najihah Musa

<sup>i, ii & iii</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding Author: email : [rashid@usim.edu.my](mailto:rashid@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Keperluan terhadap kaunseling telah menjadi satu kesedaran dalam kalangan umat Islam sebagai usaha memelihara kesihatan fizikal dan psikologi mereka. Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling dan psikologi semakin bertambah seiring dengan pertumbuhan umat manusia masa kini. Pendekatan Islam dalam kaunseling adalah penting kerana pendekatan kaunseling Barat hanya menekankan aspek kognitif dan tingkah laku semata-mata. Manakala, proses intervensi kaunseling Islam menitikberatkan elemen hati, akal, roh dan nafsu. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membincangkan beberapa aspek berhubung integrasi kaunseling berteraskan tauhid sebagai pendekatan baharu kepada bidang kaunseling sekular. Selain itu, kajian ini menekankan tentang aspek pembangunan program pendidikan dan latihan kaunselor dalam kaunseling berteraskan Islam yang masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Kajian ini adalah kajian kualitatif berdasarkan kaedah analisis kandungan (ulasan buku). Terdapat sebelas bab yang membincangkan beberapa aspek berhubung integrasi kaunseling berteraskan tauhid sebagai pendekatan baharu kepada bidang kaunseling sekular, seperti konsep asas integrasi dan epistemologi ilmu dalam Islam, konsep tauhid yang menjadi asas kepada anjakan ilmu serta kefahaman elemen ilmu dan manusia menurut perspektif Islam yang bersumber al-Quran dan juga hadis. Kesimpulannya, buku ini diharapkan dapat memberi kefahaman kepada semua lapisan masyarakat berkaitan kepentingan elemen integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam pendidikan kaunseling di Malaysia.

**Kata Kunci:** Ilmu Naqli, Ilmu Aqli, Integrasi Ilmu, Pendidikan Kaunseling, Falsafah

## ABSTRACT

*The need for counseling has become an awareness among Muslims in order to preserve their physical and psychological health. The increase in demand for counseling and psychological services is increasing in line with the growth and development of human. The Islamic approach in counseling is important because the Western counseling approach only emphasizes on cognitive and behavioral aspects. Meanwhile, the intervention process of Islamic counseling emphasizes the elements of the heart, intellectual, spirit and passion. Therefore, this study was conducted to discuss several aspects regarding the integration of tawhid-based counseling as a new approach to the field of secular counseling. In addition, this study emphasizes on aspects of the development of counselling education and training programs in Islamic-based perspective that have not yet received the attention nowadays. This study is a qualitative study based on the method of content analysis (book review). There are eleven chapters that discussing several aspects regarding the integration of monotheism-based counseling as a new approach to the field of secular counseling, such as the basic concept of integration and the epistemology of knowledge in Islam, the concept of monotheism which is the basis for the transfer of knowledge as well as the understanding of the elements of knowledge and human beings according to the Islamic perspective which is sourced from al-Quran and also hadith. In conclusion, this book is expected to give better understanding to all levels of society regarding the importance of integrating Naqli and Aqli elements in counseling education in Malaysia.*

**Keywords:** *Naqli knowledge, Aqli knowledge, Knowledge Integration, Counseling Education, Philosophy*

Umumnya bidang pendidikan di Malaysia menekankan usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara bersepada bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Elemen pendidikan holistik ini dilihat bukan sahaja memberi keseimbangan kepada aspek jati diri malah, dapat membangunkan kemandirian insan berteraskan paksi agama. Maka, gerakan mengintegrasikan ilmu *naqli* dan *aqli* adalah atas kesedaran terhadap kesan sistem pendidikan dualisme yang diperkenalkan oleh penajah Barat di negara Islam yang dijajah sehingga menghakis kepentingan agama Islam dalam kehidupan masyarakat Islam. Selain itu, ia juga bagi memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyulam elemen kepercayaan kepada Tuhan sebagai dasar utama teras keilmuan. Bahkan, langkah Universiti Sains Islam Malaysia meletakkan visi integrasi ilmu *naqli* dan *aqli* dalam pendidikan dilihat sebagai respons kepada kesedaran tersebut.

Integrasi ilmu *naqli* dan *aqli* ini juga tidak lari daripada dilaksanakan dalam pendidikan kaunselor bagi mewujudkan kaunseling berteraskan Islam. Pengamalan kaunseling yang menjadikan tauhid sebagai salah satu pegangan belum mendapat perhatian

dalam kalangan kaunselor. Bahkan, kebanyakan teori dan terapi yang dipelajari dan dilaksanakan datang daripada ilmuwan Barat.

Bidang kaunseling bukan suatu bidang yang mudah dan ia berkembang mengikut peredaran isu semasa. Pengamal kaunseling perlu sentiasa peka dengan isu yang berlaku serta mencari solusi terbaik mengikut kesesuaian situasi yang berbeza-beza. Umat Islam tidak harus terkecuali daripada terlibat dengan pendidikan kaunselor dan pengamalan kaunseling, justeru, konsep tauhid dalam pendidikan kaunselor harus diteliti secara menyeluruh bagi merealisasikan visi integrasi ilmu *naqli* dan *aqli*.

Buku Integrasi *Ilmu Naqli dan Aqli Dalam Pendidikan Kaunseling* ini mempunyai 11 bab yang membincangkan beberapa aspek berhubung integrasi kaunseling berteraskan tauhid sebagai pendekatan baharu kepada bidang kaunseling sekular, seperti konsep asas integrasi dan epistemologi ilmu dalam Islam, konsep tauhid yang menjadi asas kepada anjakan ilmu serta kefahaman elemen ilmu dan manusia menurut perspektif Islam yang bersumber al-Quran dan juga hadis. Setiap aspek yang dibincangkan dalam buku ini disertakan dengan hujah dan bukti, data ilmiah dan penelitian menyeluruh; gaya bahasa yang digunakan adalah menarik dan dapat memberi kefahaman kepada semua lapisan masyarakat.

Bahkan, konsep integrasi ilmu yang menjadi asas kepada penulisan buku ini membantu pembaca ‘kaya’ daripada sudut kefahaman; percambahan ilmu perbandingan dalam perkembangan keilmuan tamadun Islam dan Barat memberi penjelasan hala tuju dan matlamat pendidikan yang seharusnya menjadi dasar kepada pembinaan negara bangsa.

Buku ini dihasilkan atas kesedaran bahawa aspek pembangunan program pendidikan dan latihan kaunselor dalam kaunseling berteraskan Islam masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Malah, minat mengenai kaunseling Islam didapati lebih bertumpu kepada pembangunan model rawatan melalui penyelidikan dan penulisan yang dibuat sebelum ini. Buku ini cuba menampung kekurangan dalam bidang tersebut dengan membina kerangka konsep asas kepada pembangunan program dan pelaksanaan kurikulum pendidikan serta latihan kaunselor.

Keperluan terhadap kaunseling telah menjadi satu kesedaran dalam kalangan umat Islam sebagai usaha memelihara kesihatan fizikal dan psikologi mereka. Peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling dan psikologi semakin bertambah seiring dengan pertumbuhan umat manusia masa kini. Umat Islam hari ini bukan sahaja berurusan dengan tekanan hidup seharian, tetapi juga bertanggungjawab mempertahankan hak asas agama dan nilai seperti biasa dan boleh diterima (Podikunju-Hussain, 2006).

Beberapa kajian telah dibuat di Malaysia dengan memfokuskan kepentingan Islam dalam kaunseling. Baharudin et al. (2017) menyatakan bahawa kaunseling merupakan profesi yang berkaitan dengan aspek pembangunan individu secara menyeluruh dan sinonim dengan falsafah kesihatan. Pengkaji-pengkaji Barat tidak membahaskan secara tuntas mengenai elemen kesejahteraan ini, sedangkan Islam mengaitkan konsep ini dengan disiplin ilmu *naqli* dan *aqli*. Islam juga memiliki pandangan yang lebih menyeluruh berkaitan

kesejahteraan sebagai proses seumur hidup yang holistik serta terdiri daripada pelbagai dimensi.

Pendekatan Islam dalam kaunseling adalah penting kerana pendekatan kaunseling Barat hanya menekankan aspek kognitif dan tingkah laku semata-mata. Manakala, proses intervensi kaunseling Islam menitikberatkan elemen hati, akal, roh dan nafsu (Johari Abas, 2018). Ini menunjukkan kepentingan pendekatan kaunseling Islam kerana masalah yang dialami oleh seseorang bukan berpaksikan kognitif dan tingkah laku semata-mata, tetapi juga nafsu yang mendorong seseorang dalam cara berfikir dan bertingkah laku.

Menurut Spinelli et al. (2020), sebahagian daripada masalah psikologi berpunca daripada kurangnya sokongan keluarga atau ketegangan antara ahli keluarga apabila melibatkan nilai teras etnik antara ibu bapa dan anak-anak seperti hubungan dengan berlainan jantina, keputusan kerjaya dan nilai sosial yang lain. Diskriminasi di tempat kerja atau dalam kalangan masyarakat dan masalah perkauman juga berpotensi menyebabkan masalah psikologi. Menurut Moshtagh and Dezhkam (2004) dan Hedayat-Diba (2000), kebanyakan Muslim di negara Barat menolak mendapatkan khidmat kaunseling profesional kerana bagi mereka tidak sesuai atau membuka aib apabila bercerita tentang masalah mereka kepada orang asing. Bahkan, sesiapa yang melakukannya dianggap sebagai tidak peka dengan budaya dan keperluan khas sebagai seorang Muslim. Mereka menyatakan rasa bimbang dan ragu-ragu dalam mempercayai profesional kesihatan mental sekiranya nilai keagamaan mereka tidak dihormati (Dwairy, 2006; Sabry & Vohra, 2013).

Buku ini berfokus kepada penulisan tiga aspek utama kaunseling integrasi iaitu kerangka konsep dalam amalan mengintegrasikan ilmu *naqli* dengan ilmu *aqli* dalam pendidikan dan latihan kaunseling. Aspek kedua berkisar kepada amalan terkini dalam kaunseling yang telah mula bergerak ke arah mengintegrasikan prinsip-prinsip Islam dengan ilmu kaunseling konvensional atau sekular, khususnya dalam tetapan pengajaran-pembelajaran. Sementara aspek ketiga berkaitan dengan pembangunan ilmu baharu dalam kaunseling integrasi. Beberapa kajian yang meneroka konsep dan konstruk yang berkaitan dengan amalan dalam Islam turut dibincangkan.

Dalam bab pertama, penulis membawa pembaca menyusuri perkembangan ilmu dalam masyarakat Islam silam daripada sudut sejarahnya, memperkenalkan tokoh-tokoh pemikir Muslim yang bertanggungjawab melonjakkan pembangunan ilmu dalam masyarakat Islam. Bab ini menjelaskan maksud ilmu yang dirujuk sebagai *naqli* dan *aqli* mengikut pandangan ulama atau pemikir Muslim. Tujuannya adalah untuk memberikan kefahaman menyeluruh berhubung pembentukan konsep integrasi berasaskan sumber sejarah dan falsafah ilmu (epistemologi). Tinjauan penulis bermula dengan konsep ilmu dalam Islam, diikuti denganuraian berkenaan perkembangan dan kemajuan ilmu di Barat serta penekanan kepada kepentingan konsep integrasi *naqli* dan *aqli* dalam Islam (Wan Razali, 2017). Penulis juga menghuraikan dengan lebih lanjut senarai pembahagian bidang ilmu *naqli* dan *aqli* dalam bab ini.

Perbincangan buku ini diteruskan dengan latar belakang falsafah dan ilmu kaunseling

sekular dalam bab dua, dengan kupasan falsafah Barat yang melingkari perkembangan ilmu sains termasuk sains sosial pada pertengahan abad ke-18. Falsafah ini dikenali sebagai falsafah sekular kerana menolak peranan Tuhan dan agama dalam menjelaskan peranan sains yang menjadi dasar kepada usaha memahami alam semesta dan isinya. Falsafah yang berpaksi kepada kaedah sains ini menolak semua ilmu ghaib dengan alasan ia tidak boleh dibuktikan secara saintifik.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2017) mentafsirkan sekularisme sebagai suatu fahaman yang menolak nilai-nilai agama dalam kehidupan manusia. Dalam bab dua juga dijelaskan mengenai sejarah awal pembangunan falsafah yang dirintis oleh Barat melalui *scientism* seperti renaissance, materialisme, existentialisme, liberalisme, individualisme, empiricisme, positivisme, humanisme dan lain-lain. Walau bagaimanapun, perbincangan tidak sekadar menonjolkan pertentangan antara dua jenis prinsip yang berbeza; yang selari dan mempunyai titik pertemuan turut diberi perhatian.

Di dalam bab tiga dan empat, penulis mengajak pembaca untuk menganjak paradigma ilmu daripada sekular kepada Islam dengan meletakkan falsafah tauhid sebagai asas kepada ilmu kaunseling. Bab tiga mengimbau falsafah, ciri dan kedudukan teori kaunseling sekular atau konvensional dengan memperlihatkan aspek yang tidak selari dan yang selari dengan prinsip-prinsip Islam. Perbandingan yang dibuat ini memberi gambaran jelas di mana asas dan dasar paksi Islam berhubung aspek kemanusiaan dan keilmuan, dan titik pertemuan kedua-dua bidang ilmu dibincangkan.

Bab empat secara khusus membincangkan konsep tauhid yang menjadi asas kepada kaunseling integrasi. Tauhid yang menjadi pegangan setiap Muslim perlu menjadi asas kepada kaunseling integrasi agar falsafah perkhidmatan kaunseling selari dengan falsafah hidup klien dan kaunselor Muslim. Perbincangan tauhid diluaskan kepada aspek beriman kepada para rasul, kitab yang dibawa para rasul dan Hari Akhirat. Pilihan ini dilakukan kerana beriman kepada rukun yang enam amat mempengaruhi pandangan alam serta gaya hidup Muslim.

Implikasi meletakkan tauhid sebagai falsafah kepada ilmu kaunseling diperlihatkan daripada beberapa sudut, iaitu implikasi terhadap pandangan alam manusia, pembentukan tingkah lakunya, implikasi terhadap model rawatan kaunseling dan seterusnya, terhadap pembangunan program latihan kaunselor. Ringkasnya, bab empat memperlihatkan bagaimana tauhid mencorakkan ilmu kaunseling dengan corak baharu yang bermotifkan ajaran Islam.

Penulis buku ini menyorot kupasan tauhid dengan lebih jelas dalam bab lima; bab ini dilihat sebagai dedikasi kepada ketauhidan umat Islam dalam menyembah Allah SWT. Bab ini khusus membincangkan tingkah laku manusia seperti yang digambarkan di dalam al-Quran untuk dijadikan perbandingan dengan manusia yang digambarkan dalam teori kaunseling sekular. Tujuannya adalah untuk membuat anjakan paradigma ilmu psikologi dan kaunseling kepada paradigma tauhid. Ia bersandar kepada fahaman ulama Islam silam dan kontemporari, serta penemuan dan sokongan sains moden berkaitan peranan tubuh manusia dalam pembentukan tingkah laku. Walaupun perbincangan dalam bab ini lebih ringkas,

elemen yang harus ditekankan adalah bagaimana model asas pembentukan tingkah laku berasaskan al-Quran meliputi elemen *qalb*, roh, jasad, *nafs*, *aql*, syahwat dapat menjadi dasar dan penilaian kepada model-model pembentukan tingkah laku dari teori kaunseling Barat.

Fasa pengukuhan dalam konteks integrasi ilmu dalam kaunseling Islam dan sekular dikupas dengan lebih lanjut dalam bab enam. Bab enam memperlihatkan satu analisis model rawatan kaunseling konvensional atau sekular yang dilakukan dengan menggunakan nilai bimbingan Islam, prinsip-prinsip rawatan dan pembangunan diri dalam Islam. Pemikir-pemikir Islam seperti al-Ghazali telah membangunkan model pembangunan diri yang bersifat kerohanian. Model al-Ghazali banyak mendapat perhatian pengamal kaunseling yang tertarik dengan prinsip rawatan dalam Islam, dan ia sering dirujuk sebagai perbandingan. Kemahiran kaunseling, matlamat kaunseling, ciri kaunselor, personaliti, asas pembentukan teori kaunseling Islam dan sekular, turut dibincangkan secara terperinci dalam bab ini.

Penulis juga membawa paradigma sudut pandang pelajar dalam bab tujuh dan lapan; pembaca akan mendapat kefahaman yang jelas tentang apa yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan integrasi ini. Paparan pengalaman dalam sesi pengajaran dan pembelajaran daripada persepsi pelajar yang terlibat dengan proses integrasi ilmu kaunseling bagi program latihan kaunseling mempunyai banyak implikasi terhadap usaha yang baru bermula ini. Data daripada pengalaman individu yang mengikuti proses integrasi amat signifikan bagi menilai sama ada kepentingan dan proses yang dihasratkan mencapai matlamat. Hal ini demikian kerana, kesan positif proses kaunseling hanya dapat disahkan oleh klien yang menerima khidmat tersebut. Bab ini juga mengupas lanjut mengenai proses pengajaran dan pembelajaran seperti sejauh mana pengajaran integrasi ilmu *naqli* dalam program kaunseling berkesan. Antara kaedah untuk mengetahuinya ialah dengan mendapatkan maklum balas daripada mereka yang terlibat dalam proses tersebut. Bab ini memberi sisi berbeza yang sangat bernilai dalam memantapkan pembangunan program latihan dan pendidikan integrasi *naqli* dan *aqli*.

Sebagai satu bidang yang masih baharu, keupayaan menjana ilmu baharu juga perlu dibina. Tiga bab akhir iaitu bab sembilan, 10 dan 11 membincangkan usaha penyelidikan konsep-konsep syariat Islam yang menjadi pegangan umum. Penyelidikan ini dibuat melalui penelitian secara saintifik bagi melihat bagaimana ia dapat dimanfaatkan dalam amalan kaunseling. Dapatan kajian ini membuka satu sempadan baharu dalam membangunkan kaunseling integrasi walaupun kajian tersebut masih perlukan banyak data sokongan yang mantap.

Bab sembilan membawa pembaca kepada penemuan hasil kajian berkaitan pelaksanaan intervensi krisis dan sokongan psikologi bencana alam. Kupasan tertumpu kepada aspek pengendalian dan pengurusan krisis, dan pandangan Islam berhubung bencana. Bab 10 pula melihat perbandingan dalam fenomena hysteria mengikut perspektif Islam dan Barat. Aspek kesihatan mental meliputi kerangka konsep utama seperti faktor, punca, solusi fenomena hysteria, kupasan gangguan jin dan psikologi dan aspek-aspek lain yang berkaitan turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 11 membawa kepada pemahaman nilai moral dalam membina harga diri remaja mangsa jenayah rogol. Model membina harga diri langkah demi langkah dengan elemen yang bersepada berdasarkan perspektif Islam dibincangkan dengan lanjut dalam bab ini. Perbincangan dalam setiap bab disertakan dengan pengamalan kaunseling yang diselaraskan dengan integrasi ilmu *naqli* dan *aqli*. Ini yang membezakan buku ini daripada tulisan pengamalan kaunseling yang lain kerana kebanyakan buku hanya berfokus kepada teori dan teknik ketika sesi kaunseling berpandukan falsafah sekular (Abdullah, 2011).

Falsafah sekular yang menjadi rujukan utama pengamalan kaunseling yang selama ini menolak peranan agama menjadikan buku ini wajar dimiliki terutamanya oleh tenaga pengajar dan kaunselor Muslim. Al-Quran dan al- sunnah perlu dijadikan rujukan utama dalam kaunseling kerana al-Quran dan al- sunnah mengandungi pelbagai panduan dan lebih menyeluruh untuk diamalkan (Saper, 2018).

Buku ini tidak terhad untuk pengamal atau pelatih kaunseling Muslim sahaja, malahan bermanfaat dijadikan rujukan oleh kaunselor bukan Muslim apatah ketika mengendalikan sesi bersama klien Muslim. Keberhasilan sesi kaunseling berteraskan ilmu *naqli* dan *aqli* bukan sahaja dikongsikan di dalam buku ini secara teori, tetapi penulis juga melibatkan perbincangan dan kajian yang dapat membuktikan keberhasilan tersebut dengan lebih jelas.

Bagi kaunselor bukan Muslim yang terlibat memberi khidmat kaunseling kepada klien pelbagai agama dan budaya, boleh menjadikan buku ini sebagai rujukan utama untuk membantu mereka memahami faktor yang mempengaruhi persepsi klien Muslim, nilai yang mereka pegang serta makna tingkah laku dan keputusan yang mereka ambil ketika sesi kaunseling berlangsung. Kaunselor bukan Muslim yang berhadapan dengan klien Muslim tentunya akan menjadi lebih bersedia untuk memahami klien mereka dengan maklumat yang disajikan dalam buku ini. Mereka akan lebih memahami pandangan serta nilai yang menjadi pegangan klien Muslim serta sumber kekuatan yang dapat dimanfaatkan oleh klien Muslim. Ini dapat membantu proses kaunseling mencapai matlamat yang diharapkan.

Beberapa pengamal kaunseling telah membangunkan model-model rawatan dan pencegahan berasaskan prinsip-prinsip Islam. Hasil daripada data penyelidikan juga mendapati kesan positif daripada kaedah dan strategi yang berlandaskan prinsip Islam; ini dapat dibuktikan secara empirikal. Hal ini mengukuhkan lagi integrasi dalam bidang kaunseling. Penekanan kepada konsep integrasi dalam buku ini memberi ‘warna’ baharu kepada buku-buku konvensional sedia ada. Ini kerana, kupasan mengikut perspektif Islam yang dibuat secara menyeluruh memberi input dan menjana dimensi baharu dalam olahan proses kaunseling, latihan dan pendidikan yang ingin dijalankan.

Signifikan penerbitan buku ini adalah dari segi kandungannya yang dapat dimanfaatkan oleh mereka yang terlibat membangun dan mengamalkan kaunseling integrasi, iaitu kaunseling yang berteraskan tauhid. Mereka ini termasuklah kumpulan pendidik yang terlibat dalam pengubalan kurikulum dan sukanan pelajaran, pelatih yang perlu memahami konsep kaunseling integrasi dari perspektif yang menyeluruh, pengamal kaunseling yang menggunakan model-model rawatan integrasi dengan apa juga jenamanya, kaunselor, serta

pembuat dasar yang berkaitan.

Buku ini memberikan satu bentuk analisis kritikal dan bersepada terhadap kerangka pembangunan ilmu kaunseling integrasi daripada beberapa sudut penting; ia digarap dengan baik melalui penulisan ilmiah yang menarik, sementelah penulis buku ini terdiri daripada ahli akademik serta pakar bidang yang berwibawa.

## RUJUKAN

- Abdullah, Z. 2011. Falsafah dan perkembangan pendidikan di Malaysia. *Academia*, 221.
- Adawiyah Ismail. 2008. *Kaunseling islam ke arah pembentukan keluarga dinamik*. (2nd ed). Shah Alam: Karisma Publications.
- Amaludin Ab. Rahman. 2008. *Perkhidmatan kaunseling pendekatan dalam hikmah berdakwah*. (1st ed). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Aziz Salleh. 1993. *Kaunseling Islam asas*. (1<sup>st</sup> ed). Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Baharudin, D. F., Mahmud, Z., Amat, S., & Mohd. Jailani, M. R. 2017. Potential integration of naqli and aqli knowledge in counseling by understanding the concept of wellness. *'Ulum Islamiyyah*, 20: 1-9.
- Che Som Omar, Haryati Kamarudin dan Roziana Kamaruddin. 2017. *Prosiding seminar islamic creative art therapy (I-CAT) peringkat kebangsaan*. Negeri Sembilan: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
- Dwairy, M. 2006. *Counseling and psychotherapy with Arabs and muslims*. New York: Teachers College Press.
- Hidayat-Diba Z. 2000. Psychotherapy with muslims. In: Richards PS, Bergin AE. *Handbook of psychotherapy and religious diversity*. Washington DC: American Psychological Association; 289–314.
- Johari Abas, M. K. 2018. Faktor perkembangan kaunseling islam di Malaysia satu kajian. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 2 (2), 29-35.
- Mizan Adiliah, Wan Mohd. Fazrul Azdi dan Hanit Osman. 2011. *Kaunseling dalam islam*. (2<sup>nd</sup> ed). Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Moshtagh, N. and Dezhkam, N. 2004. Women, gender and mental health in iran. *Encyclopedia of Women & Islamic Cultures*. Netherlands, Brill.
- Nazneen Ismail. 2014. *Psikologi Islam: Terapi mengurus emosi berlandaskan al-Quran dan sunah*. Selangor: Must Read Sdn. Bhd.
- Podikunju-Hussain, S. 2006. Working with muslims: perspectives and suggestions for counseling. *American Counseling Association*, pp.103–6.
- PRPM. 2017. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my> Cari1?keyword=sekularisme&d=10456&
- Rizal Abu Bakar. 2009. *Kaunseling daripada perspektif islam: apa, mengapa dan bagaimana*. (1<sup>st</sup> ed). Kuala Lumpur: Utusan Publication.

- Sabry WM & Vohra A. 2013. Role of islam in the management of psychiatric disorders. *Indian Journal of Psychiatry*. doi: 10.4103/0019-5545
- Salasiah Hanin Hamjah. 2017. *Modul kaunseling islam menurut al- ghazali*. (1<sup>st</sup> ed). Selangor: Penerbit UKM.
- Saper, M. N. 2018. Kaunseling islam di Malaysia. *International Conference on Islamic Guidance and Counseling*, 1(1), 1-9.
- Siti Zalikhah Md. Nor. 2008. *Kaunseling menurut perspektif islam*. (2<sup>nd</sup> ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Spinelli, M., Lionetti, F., Pastore, M., & and Fasolo, M. 2020. Parents' stress and children's psychological problems in families facing the covid-19 outbreak in Italy. *Frontiers Psychology*, 11: 1713. doi:10.3389/fpsyg.2020.01713
- Wan Hussain Azmi Abdul Kadir. 1994. *Kaunseling dan psikologi menurut islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Razali, W. M. F. A. 2017. Kajian moden agama di barat: satu tinjauan historiografi. *Abqari: Journal of Islamic Social Science and Humanities*, 10(2): 49-69.